

Melayu bersikap penuh timbang rasa —

Mahathir

SOALAN Dr. Tan: Semua kaum mempunyai kepentingan dalam menjayakan matlamat kemajuan kaum bumiputera tercapai menjelang tahun 1990. Orang-orang bukan Melayu akan bersedih dan orang Melayu tidak puas hati, tetapi mengikut anda, apabila semua orang tidak senang hati bermakna yang dasar kerajaan adalah berjalan di landasan yang betul kerana ia tidak berat sebelah kepada sesiapa.

Tetapi dengan hampirnya tahun 1990 tidak banyak kemajuan dibuat dalam memMalaysiakan institusi-institusi seperti perkhidmatan awam yang nampaknya lebih menggambarkan dirinya sebagai alat kuasa Melayu, bahkan kekuasaan UMNO. Dapatkah kita menjadikan institusi utama penguasaan negara benar-benar perco-

ja maka tidaklah lagi perlu bagi kerajaan mempunyai terlalu ramai bumiputera dalam senarai pekerja mereka. Inilah cita-cita kami. Biarlah saya berterus-terang sungguhpun Melayu penduduk majoriti, tetapi kami telah bersikap penuh timbang-rasa terhadap bukan-bumiputera dalam negeri ini — jika tidak, bagaimana kita hendak menerangkan tentang kejayaan negara ini. Sesungguhnya ia satu kejayaan besar.

Dr. Tan: Izinkan saya menyuarakan rasa kurang senang bukan bumiputera di dalam kerajaan. Semasa saya di dalam Parlimen, anda juga menjadi ahlinya. Saya telah mengemukakan soalan sama ada bukan bumiputera akan diberikan peluang sama seperti bumiputera dalam perkara kenaikan pangkat.

akan ikuti apa yang dapat saya lakukan. Saya tidaklah gemar untuk bercakap sana bercakap ini apabila sudah berada di dalam suatu kementerian, saya berbuat itu dan ini. Apabila saya berpindah ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya tidak pernah berjanji yang saya boleh mengatasi semua halangan dalam pelaburan. Tetapi saya terus mengambil tindakan apa yang difikirkan boleh dilaksanakan dan akan hasilnya biarlah rakyat yang menilai bukan bagi saya memberitahu. Akan soal rasuah, saya akan mengkajinya sama ada saya boleh membersihkannya atau tidak. Biarlah rakyat menghakimnya kelak sesudah saya memegang kuasa.

Tanpa bukti dan kerjasama rakyat, adalah sukar untuk menghapuskan rasuah. Orang ramai keberatan bekerja dengan kami menolong berkas orang-orang ini. Kami berjaya memberkas mereka. Mahkamah memandang

sebuah bangunan 24 tingkat dikenali sebagai "Lockhart Centre" di daerah perdagangan Wanchai dengan harga HK \$120 juta.

Beliau berkata pembelian itu adalah selaras dengan dasar syarikat bergerak ke bidang antarabangsa.

Menurutnya, Magnum telah mencapai persetujuan dengan Thomson Turner Co. Ltd., untuk membeli seluruh modal terserahlah kepada mereka. Apabila sudah berada di dalamnya, terpaksa mereka bergelut mendapatkannya. Kami melengkapkan mereka dengan pelajaran — inilah cara kami menolong golongan yang miskin.

Dalam masa sama mana ada negara yang mempunyai skim untuk penjaga dan pekedai-pekedai kecil. Kami telah memperuntukkan 30 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan 50 juta dalam RM4. Secara kasar bererti memberikan mereka wang untuk membolehkan mereka

kami telah lakukan dan berjaya. Dalam tahun 1957 ketika saya bekerja sebagai seorang doktor, rakyat berkeadaan amat miskin dan berpakaian ala-kadar. Apabila saya berhenti bekerja dalam tahun 1974, mereka berpakaian lebih kemas dan membayar gaji lumayan kepada pekerja-pekerja mereka. Di hari ini lebih ramai yang membuka klinik sendiri dari berkhidmat di hospital-hospital kerana mereka kini lebih berkemampuan.

Salah

Adalah salah untuk menyatakan bahawa jurangnya semakin meluas. Kita sudah semestinya akan merapatkan jurang yang ada. Terdapat mereka yang telah berjaya dan hidup senang. Bagi saya kalau seorang itu kaya, dia tidak akan memeramkan wangnya di bawah bantal. Dia akan melaburkannya dan berbuat sesuatu yang akan menguntungkan orang lain sama. Kalau kita semua miskin kita tidak akan dapat menolong mereka yang miskin. Saya lebih suka melihat orang jadi kaya. Kita boleh mencukainya dan ju-

rak Malaysian supaya setiap kakitangan kerajaan bekerjasama sebagai profesional untuk matlamat-matlamat kebangsaan, tanpa mengira asal usul mereka?

Dr. Mahathir: Lagi sekali, ia tidak seharusnya datang dari pihak kerajaan sahaja yang memperlihatkan kedudukan tidak seimbang ini. Ia mencakup semua pihak.

Masalahnya jika kita tidak mempunyai ramai bekerja dengan kerajaan bagaimana orang Melayu akan mendapat perhatian yang sepatutnya mereka terima. Tetapi sekiranya terdapat imbalan seluruh masyarakat kita dalam sektor swasta juga, tidak perlulah adanya penyer-taan ramai orang Melayu di dalam kerajaan. Ini kerana peniaga-peniaga Melayu yang hendak mendapatkan bekalan dari bukan Melayu menghadapi kesulitan kerana tidak ada Melayu dalam pertubuhan demikian, jadi dia akan bergantung kepada kerajaan dan kita tentu bersimpati dan inilah yang sedang kita cuba perseimbangkan. Bila saja didapati sektor swasta tidak bersikap pilih-bulu dalam pengambilan tenaga peker-

Jawapan dari Tunku ialah apabila kamu berada di dalam perkhidmatan, soal bangsa tidak timbul dalam kemajuan seseorang. Ini juga jaminan yang diberi Allahyarham Tun Razak. Bolehkah anda menguatkan lagi kata-kata jaminan demikian.

Dr. Mahathir: Jika anda memperhitungkan dari segi bumiputera dan bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam dan anda bandingkan kadar bumiputera dan bukan bumiputera di peringkat KSU; (Ketua Setiausaha), misalnya, bilangan bukan bumiputera adalah tinggi sedikit dari bumiputera.

Dr. Tan: Bagaimana dengan rasuah dan pilih-kasih. Saya sebenarnya bersedih dengan contoh-contoh yang telah ditunjukkan oleh para pemimpin politik kita. Betapa caranya kita hendak meninggikan perlakuan kehidupan dalam masyarakat? Permulaan telah dilakukan oleh Hussein Onn dalam membersihkan setengah kekotoran dalam kandang kuda "Augcan" kita. Adakah anda akan meneruskan kerja baik bekas PM kita?

Dr. Mahathir: Inilah satu bidang yang saya sangat berharap anda

sepi usahanya. Jika kamu memasang perangkap dengan suatu maksud, mahkamah berpendapat ianya tidak boleh diterima sebagai bukti — duit-duit kertas bertanda tidak dapat diterima. Sikap begini di pihak mahkamah tentulah menyusahkan kami bertindak.

Dr. Tan: Pakar-pakar ekonomi kita telah berkata bahawa jurang perbezaan di dalam masyarakat kita telah menjadi bertambah meluas, lebih-lebih lagi antara Melayu yang kaya dengan miskin. Perbezaan dramatik di antara kekayaan zahir dengan kemiskinan hidup begitu ketara kepada mata umum. Adakah anda mempunyai sesuatu rancangan memindahkan kekayaan kepada si miskin di dalam masyarakat kita?

Dr. Mahathir: Ini merupakan sesuatu yang gemar dicakapkan orang. Yang kaya bertambah kaya, yang miskin semakin miskin. Sepatutnya mari kita kaji siapa-siapa yang orangnya yang membuat kritikan ini. Mereka kebanyakan penuntut universiti yang telah lulus dari universiti-universiti. Bagaimanakah mereka dapat masuk ke universiti? Ia disebabkan kami menye-

mendapatkan kemudahan-kemudahan lebih baik dan tapak menjalankan perniagaan. Kita telah membantu peniaga-peniaga kecil, pesawah padi, nelayan. Kami memberikan mereka apa yang sepatutnya. Kepada nelayan, kami berikan enjin sangkut, mereka lalu menjualkannya untuk buat untung.

Ganda

Saya telah acap kali memberitahu rakyat terutama orang Melayu supaya bekerja kuat dan jangan bergantung kepada kerajaan untuk memberikan mereka segalanya. Kalau saya berikan seorang itu satu juta, dia tidak akan jadi kaya. Dia akan habiskan wang itu tak lama kemudian. Saya lebih suka berikannya pengetahuan supaya dia tahu menjaga duit itu dan menggandakan wang tersebut. Kami sedang berusaha mengajar mereka cara baru menanam padi. Contohnya, kami sedang menguruskan orang-orang kampung supaya menanam secara kumpulan, tidak berseorangan untuk menggalakkan penanaman padi menggunakan jentera. Ini di antara apa yang

ga menggunakan sumber-sumber yang ada padanya untuk kepentingan masyarakat seluruhnya.

Jika kita menoleh ke belakang melihat keadaan sekarang dan sewaktu kita mencapai merdeka, kita telah berjaya memberikan kehidupan lebih

baik kepada orang-orang miskin lebih banyak dari mana-mana negeri yang sedang membangun. Kita boleh membuat bandingan, tidaklah dengan Singapura, tetapi mana-mana negara sedang membangun di dalam dunia. Saya bersedia bertarung yang rakyat miskin kita telah banyak berubah kedudukan mereka dan yang miskin inilah rakyat yang kaya sekarang.

Dr. Tan: Masyarakat luar bandar negara ini mengalami banyak kekurangan dan penghijrahan mencari kesenangan di bandar-jalan terus menerus. Bahkan kemudahan perubatan di luar bandar adalah jauh dari memuaskan.

Penanam-penanam kecil getah adalah di antara golongan yang termundur di dalam masyarakat Malaysia. Segala pendapatan mereka dibahagi dua — setengah untuk mereka dan separuh lagi malah kalanya lebih separuh

pergi kepada tuan tanah. Beberapa tahun dahulu saya ada mengesyorkan bahawa satu cara menolong pekebun kecil ialah dengan mengurang atau menghapuskan cukai eksport getah bagi pekebun-pekebun kecil. Ini juga nasihat dari penasihat-penasihat Bank Dunia yang juga mengemukakan beberapa tahun lalu. Malangnya cadangan ini tidak mendapat perhatian kerana ia dikatakan tidak praktikal untuk dilaksanakan.

Bagaimana cadangan anda untuk memberikan masyarakat luar bandar kita bahagian mereka dari kemakmuran negara ini?

Dr. Mahathir: Begini, mari kita ambil pesawah padi sebagai contoh pertama, kita telah menolong dalam menambah pendapatan mereka dari segi harga padi. Ketika saya dalam Parlimen tahun 1967, harga padi ialah \$16.

Bertambah

Tetapi yang sebenarnya mereka menjual pada harga \$8. Hari ini jualan padi mereka ialah \$40. Dengan mengambil kira inflasi, ini adalah pertambahan sebanyak lima kali ganda dari yang mereka perolehi sebelum ini. Tambahan lagi pesawah padi di Kedah umpamanya menanam dua kali setahun,

orang Melayu bahawa jika mereka tidak bekerja keras mereka akan menerima nasib serupa dengan orang Red Indians di Amerika Utara. Adakah anda sedar Orang Asli negara ini tidak lama lagi akan menderita nasib itu kerana diabaikan oleh kerajaan.

Dr. Mahathir: Ya, ya kami mempunyai program untuk Orang Asli. Kami mahu mendidik dan mengajar mereka kemahiran. Tetapi seperti yang anda tahu, program-program ini akan memakan masa panjang untuk diatasi.

Ringkas

Dr. Tan: Jika kenyataan yang baru anda keluarkan dibuat kepada orang Melayu, adakah mereka akan menerimanya?

Dr. Mahathir: Ya, saya telah memberitahu mereka. Tidak ada jalan ringkas bagi mereka memperolehi kejayaan dalam sekelip mata.

Dr. Tan: Satu contoh dilihat dalam RM3 — peruntukan awalnya ialah 22 juta, setelah ulangkaji pertengahan rancangan angka ini ditambah menjadi 46.85 juta, di bawah RM4 peruntukan itu dikurangkan menjadi 40.13 juta. Tidak terdapat usaha yang bersungguh-sungguh untuk membantu Orang Asli?

matan awam kita sekarang telah berkembang besar dan tidak mudah dipengaruhi, bahkan dalam beberapa kejadian bersikap angkuh. Bagi melindungi rakyat biasa dari keangkuhan pegawai-pegawai awam bolehkah anda menimbang semula pewujudan sebuah jawatan seorang "OMBUDSMAN"?

Dr. Mahathir: Kami telah memikirkan perkara lantikan "OMBUDSMAN" ini. Ia seolah-olah seorang itu lebih mengetahui dari orang lain dan bijak membuat keputusan-keputusan. Anggapan serupa ini adalah sangat salah. Seorang Ombudsman juga tidak lari dari melakukan kesilapan atau bersikap berat sebelah seperti orang-orang lain juga.

Di dalam negara ini tidak ada orang dapat mengelak dari melakukan kesilapan dan mengambil keputusan yang tidak menyakiti hati sesiapa. Jika pun kita mempunyai seorang Ombudsman tetapi kita tidak mempedulikan kata-katanya, ia adalaha sia-sia sahaja. Tetapi dengan memberikan kuasa berlebihan kepada seorang individu untuk mengkritik dan membidas sana membidas sini — ia akan memberi banyak kesan kepada se-

bangkitkan? Apa tidak ada benda lain hendak dilaporkan mengenai negara ini, tidak ada apa-apa kemajuan yang kita capai? Jika negeri ini seperti Iran, komen mereka asyik berkisar fasal Muslim sahaja. Dan ini sebuah negeri Islam dan terdapat toleransi beragama. Adakah komen mengenaanya dibuat? Kita hidup di tengah orang bukan Islam, kita tidak pula membunuh-membunuh sini. Tetapi komen-komen mereka asyik pada aspek negatif memanjang. Jika ada rakyat yang bersandarkan kepada akhbar-akhbar asing, dukacita sekali saya mendengarnya.

Majalah Newsweek telah mengulas yang orang-orang Cina Hong Kong, Cina Taiwan dan Cina Malaysia sekarang ini ghairah melabur wang mereka di Australia. Mereka membuat komen yang Cina Malaysia berbuat begitu kerana mereka naik kecewa dengan Dasar Ekonomi Baru. Apa hal dengan Cina Singapura yang pergi ke Australia.

Orang Cina Malaysia tak ada bezanya dengan Cina-Cina lain, jika ada peluang melabur di Australia, dan jika mereka ada wang, kenapa tidak? Tetapi mereka mesti tonjolkan yang orang Cina Malaysia mempunyai sebab istimewa. Mereka mesti

jela-jela panjang benda-benda itu yang dilakukan negara ini dan tidak pernah dicuba di negeri lain. Kita mencuba mencapai sesuatu matlamat ekonomi dan sosial tetapi ini tidak dilaporkan dalam akhbar-akhbar asing. Mereka yang membaca akhbar asing akan berperasaan yang mereka akan dibunuh. Tetapi ini tidak benar. Negeri ini adalah jauh selamat dari jalanraya-jalanraya London dan Central Park, New York. Teksi-teksi di New York seolah seperti kereta perisai, berpagar serta tak ditembusi peluru semacam berada di dalam hutan. Itu negara bertamadun. Saya bertamاده orang-orang Amerika yang mereka hidup di dalam belantara. Saya katakan bahawa mereka tidak bertamadun.

Dr. Tan: Akhirnya, bolehkah saya bertanya jika anda mempunyai pandangan cita-cita semasa dalam jawatan Perdana Menteri, apakah harapan utama anda, corak masyarakat yang anda harap hendak dibentuk. Dalam lain-lain perkataan, apakah harapan anda bagi tahun 80an dan malahan di akhir 90an abad kedua puluh ini?

Dr. Mahathir: Saya berharap dapat mempertahankan kestabilan. Saya berharap tidak

beregeti ketika mereka memperoleh \$8 dahulu, mereka patut dapat \$80 kerana kenaikan sebanyak 100%. Pengeluaran padi seekar juga bertambah — boleh dikatakan dua kali ganda dan ini membantu pendapatan mereka. Kita menolong mereka dalam skim seperti bantuan baja.

Kita berbuat serupa untuk pekebun kecil dan nelayan. Serupa saja, mereka tidak berpengetahuan cukup untuk menggunakannya bagi kepentingan diri semaksimal yang boleh, seperti kenapa kami berbuat semua itu dan sejauh mana mereka dapat melindungi diri sendiri. Akan getah, memang ada sedikit masalah. Bagaimanapun kami boleh membezakan cukai dari pekebun kecil dan dari ladang-ladang yang besar — kami akan melakukannya. Tetapi anda boleh menela apa yang akan berlaku. Sebaik sahaja kita perkenalkan urusan ini, ladang-ladang sederhana besar atau yang besar-besar juga akan menjual getah mereka melalui pertubuhan pekebun kecil, dan berbuat bagai macam rupa lagi. Rancangan ini akan hancur berkecai disabotaj.

Dr. Tan: Dr. Mahathir, anda telah mengingatkan orang-

Dr. Mahathir: Sebabnya mungkin kerana mereka tidak dapat berbebanja kesemua yang diberikan.

Dr. Tan: Kenapa ini terjadi? Dapatkah anda memberi jaminan sebaik sahaja Orang Asli telah mendapat latihan yang dikehendaki, mereka akan mengendalikan JOA, iaitu Jabatan Orang Asli. Saya telah menarik perhatian yang pelajaran mereka tidak di bawah Kementerian Pelajaran tetapi di bawah Jabatan Orang Asli, kesihatan juga di bawah Jabatan Orang Asli. Tetapi JOA tidak dilengkapi untuk memberi pelajaran dan kesihatan dan juga dilengkapi melatih guru-guru atau doktor-doktor untuk Orang Asli.

Ia boleh memberi pertolongan andainya kerajaan menetapkan satu tarikh sasaran bilakah JOA akan mempunyai seorang Orang Asli sebagai ketua jabatan dan tarikh serupa bila jabatan ini dihapuskan sesudah Orang Asli telah dapat mengejar kemajuan seiring dengan rakan-rakan mereka rakyat Malaysia lainnya kerana tiada diperlukan lagi waktu itu sebuah jabatan khas untuk mereka.

Dr. Mahathir: Kita akan kaji perkara itu.

Dr. Tan: Perkhid-

matang perkhidmatan di kalangan kakitangan kerajaan juga.

Kita mempunyai banyak lagi cara-cara untuk mengesan di mana punca berlakunya kepincangan di dalam perkhidmatan awam atau kerajaan.

Dr. Tan: Saya berpendapat Straits Times telah mendapat sanjungan berlebihan, hanya bersikap kritis terhadap beberapa perkara. Hanya kebelakangan ini mereka telah mengubah corak persembahan isi kandungannya, kalau tidak-tidak ada apa yang hendak disedut. Banyak orang telah bersuara jika

anda hendak mengetahui akan apa yang berlaku di dalam negeri ini, kamu hendaklah membaca akhbar-akhbar luar negeri. Bagaimana dengan pandangan anda?

Dr. Mahathir: Saya merasakan adalah salah untuk membaca akhbar asing kerana saya boleh menunjukkan pada anda setiap berita yang dilaporkan mereka adalah salah. Saya bersedia menunjukkan. Saya pernah menyentuh satu kes berita dalam Wall Street Journal. Kenapa mereka mesti siarkan berita Tan Sri Haji Mohd Noah, bapa mertua Datuk Hussein? Kenapa perkara semacam ini di-

bangkitkan soal Dasar Ekonomi Baru dan inilah laporan akhbar asing.

Saya mengikuti dari dekat berita-berita akhbar asing. Majalah Time umpamanya telah membuat penilaian yang salah. Dalam satu laporan sulit mereka mengenai Malaysia ialah ramalan yang Parti DAP akan mengembangkan sayapnya dalam tahun 1980 dan melenyapkan MCA. Ini disiarkan empat bulan sebelum apa yang telah berlaku di Pulau Pinang. Jelas benar ramalan mereka ini sama sekali tergelincir.

Ia adalah berat sebelah. Mereka datang beberapa hari sahaja ke sini dan berlagak telah mengetahui segala-galanya. Mereka berfikir mereka lebih bijak menadbirkan negara ini dari penduduk di sini.

Saya bukannya menahan mereka dari membesar-besarkan setengah perkara. Sekurang-kurangnya sebutlah sesuatu yang sepatutnya. Ada beberapa perkara yang telah dilakukan oleh negara ini lebih baik dari yang dibuat oleh kebanyakan negara lain. Kenapa tidak ini dilaporkan bersama? Saya boleh menyebutnya ber-

akan merosakkan Malaysia dalam apa corak pun atau berbuat sesuatu yang tidak baik bagi Malaysia. Saya sedar ini adalah suatu cita-cita kecil tetapi jika saya memperolehinya, biarlah orang lain menghakiminya, bukan bagi saya melaung-laungkannya.

Penutup:

Saya suka mengambil kesempatan di sini melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Sri Dr. Mahathir kerana mengizinkan temuramah ini. Saya akan memberi ulasan saya terhadap jawapan-jawapannya di lain masa.